

Headline	Lelaki cedera kren tumbang di tapak projek janakuasa TNB		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	14
ArticleSize	174 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,599		



## Lelaki cedera kren tumbang di tapak projek janakuasa TNB

**MANJUNG** – Seorang lelaki cedera apabila sebuah kren tumbang menghempap sebuah lori di tapak projek syarikat janakuasa milik Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Manjung 5 Sdn. Bhd. di sini semalam.

TNB dalam satu kenyataannya berkata, dalam kejadian pada pukul 11.10 pagi itu, mangsa yang berada dalam lori berkenaan hanya cedera ringan.

“Mangsa mengalami kecederaan selepas melompat keluar daripada lori itu dan terjatuh ke dalam longkang. Dia telah mendapatkan rawatan di hospital,” kata kenyataan itu di sini semalam.

Difahamkan, projek janakuasa yang dijalankan oleh Manjung 5 adalah bagi menambah kapisiti penjanaan elektrik di Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di sini.

Dalam kenyataan itu, TNB menafikan dakwaan yang disebarluaskan di laman sosial kononnya dua individu maut dan lima cedera dalam kejadian itu.

Menurut kenyataan itu lagi, siasatan awal mendapati, pe-

**KEADAAN** kren yang tumbang menghempap sebuah lori di tapak pembinaan projek janakuasa Manjung 5 di Manjung semalam.

ngendali kren itu tidak menggunakan besi pengimbang semasa menjalankan kerja-kerja mengangkat beban hingga menyebabkan jentera itu tidak stabil sebelum tumbang.

“Kerja pembinaan di kawasan itu adalah di bawah selenggaraan kontraktor yang dilantik. Siasatan lanjut sedang dijalankan,” kata TNB sambil menjelaskan kejadian itu dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perak.

